

KERATAN AKHBAR ONLINE

JUDUL : HARIAN METRO

TARIKH : 25 Mei 2024

SITASI :

M/S : 15

Ismail, D. M. A. (2024, May 25). Membubar budaya ilmu : amalan membaca lahirkan generasi ulul albab. *Harian Metro*, p. 15.



Harian Metro | Sabtu 25.05.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

MEMBUGAR BUDAYA ILMU

AMALAN MEMBACA LAHIRKAN GENERASI ULUL ALBAB



Bersama
Kolonel Datuk
Mohd Ajib Ismail

B

Amalan membaca berupaya membentuk pemikiran ilmiah dan saintifik sekali gus menghidupkan tradisi keilmuan yang menyeimbang akal dan pedoman wahyu

udaya membaca adalah wahana yang menghubungkan manusia dengan ilmu dan amal. Seorang sjaran dan pemikir Islam terkemuka iaitu Ali Syariati menggunakan istilah *Rausyan Fikr* bagi menggambarkan tentang kepentingan fungsi dan peranan ilmu serta amal dalam membangun tamadun dan peradaban manusia. Sesorang individu yang mempunyai ciri-ciri *Rausyan Fikr* atau *Ulul-Albab* mestilah menguasai ilmu pengetahuan, mengambil ikhtiar daripada peristiwa sejarah dan kejadian alam dengan mengkaji fakta penting yang terkandung di dalamnya bagi mengerakkan agenda perubahan dalam masyarakat.

Amalan membaca berupaya membentuk pemikiran yang ilmiah dan saintifik sekali gus menghidupkan tradisi keilmuan yang menyeimbangkan akal fikiran dan pedoman wahyu. Umat Islam akan mencapai kejayaan apabila dapat mengembangkan budaya membaca dan berfikir dalam kehidupan. Firman Allah SWT dalam *suratod Sod ayat 29* yang bermaksud: "(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahu Muhammad), Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil ikhtiar."

Dengan membaca dan merenungkan ayat-ayat al-Quran, umat Islam dapat meningkatkan penghayatan tentang agama serta memahami perintah dan larangan Allah SWT untuk diperlakukan dalam kehidupan. Amalan tersebut bukan sahaja menguatkan spiritual dan mendekatkan hubungan hambo dengan Allah SWT tetapi menunjuk jalan untuk bermuamalah sesama insan. Justeru amalan membaca dan mengunjungi khutbah khanah untuk menelaah kitab dan khazanah ilmu wajar dijadikan sebagai rutin kebiasaan lebih-lebih lagi dalam kehidupan seorang Muslim.

Kajian Profil Membaca yang dilakukan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mendapati kadar pembacaan

dalam kalangan rakyat Malaysia semakin meningkat. Hasil kajian menunjukkan peningkatan ketara iaitu daripada dua naskah buku setahun pada 2005 kepada 15 naskah buku setahun pada 2014. Semenjak itu, bagi tempoh 2022 hingga 2023, naskah yang dibaca meningkat kepada 24 naskah setahun. Pelbagai program dilaksanakan termasuk program U-Pustaka yang menawarkan 22 penggalan yang menawarkan lebih 900.000 judul koleksi digital yang boleh diakses setiap hari menerusi E-Buku, E-Corner, E-Suratkhabar, E-Pembelajaran, E-Kormik dan memperkasakan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta pemberian baucar untuk membeli buku. Trend terkini juga menunjukkan bahawa amalan membaca bukan sahaja terhad kepada sumber bacaan fizikal tetapi termasuk bahan-bahan digital yang dibaca di pelbagai platform peranti mudah alih seiring dengan perkembangan teknologi.

Semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) harus merancang pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk meningkatkan budaya membaca dalam kalangan warga negara. Sebagai contoh Kempen Jom Membaca 10 Minit yang dianjurkan secara serentak di seluruh negara mendapat perhatian dan komitmen pelbagai pihak untuk mendorong budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Suatu pendekatan baru yang lebih mantap dan segar perlu dirangka bagi menarik lagi ramai masyarakat untuk mencintai dunia pembacaan sekali gus membugar budaya ilmu dalam kehidupan. Program tadabur al-Quran yang mengangkat topik dan tema tertentu yang dianjurkan oleh beberapa pihak misalnya merupakan salah satu pendekatan menyubur minat menelaah isi kandungan al-Quran untuk diajarkan dalam kehidupan. Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis daripada Abu Ummah RA: Maksudnya: "Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya." (*Riwayat Muslim*)

YAB Perdana Menteri juga menunjukkan teladan yang baik dalam usaha membudayakan



AL-HAQ
Sehari sepotong ajar
"Di situ juga ada
pelamin-pelamin (berhias)
yang tinggi (tempatnya)."
(Surah al-Ghaosiyah,
ayat 13)

tabiat membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Beliau sering dilihat meluangkan masa membaca buku genre tertentu sewaktu dalam perjalanan melaksanakan tugas rasmi ke sesuatu lokasi. Bahkan beliau menegaskan bahawa jika mahu menjadi manusia dan insan yang mencapai darjat karaham insaniyah iaitu yang mempunyai nilai, akhlak dan ilmu, mestilah dimulakan dengan tradisi membaca.

Budaya membaca dapat merealisasikan keenam-enam prinsip Madani yang digagaskan oleh Perdana Menteri iaitu kemampuan, keséjahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan bagi mendokong agenda pembangunan masyarakat. Dalam konteks Pelan Transformasi Al-Falah yang dibangunkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), langkah yang sama digariskan di bawah teras pertama iaitu Pentadbiran Islam Mampan melalui cadangan penumbuhan Perpustakaan Awam Islam (Bayt al-Hikmah), Pelan Promosi dan Komunikasi Pemasaran Bersepadu Bahru Ilmiah Islam serta Pembangunan Aplikasi Dar al-Ilmi iaitu sistem dan direktori bahan-bahan ilmiah hal ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) komited untuk memantapkan bidang penyelidikan dan persuratan Islam dengan menyemarakkan penyelidikan ilmiah dan persuratan Islam menerusi pengukuhkan program kajian, persidangan dan penerbitan ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudi ilmu dan berbudi tinggi. Institusi masjid dan surau juga boleh

memainkan peranan dengan menyediakan sudut bacaan atau perpustakaan mini untuk menempatkan koleksi bahan bacaan yang boleh dimanfaatkan oleh ahli kariah daripada pelbagai peringkat usia sebagaimana digariskan di bawah Pelan Pengimaran Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2021-2024.

Budaya membaca mestilah dimulakan dengan diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Di Wilayah Persekutuan, persekitaran budaya ilmu dan membaca dihidupkan melalui pelbagai program keilmuan dan pengimaranan di institusi masjid dan surau. Di Masjid Wilayah Persekutuan, program pengajian Jilsah Ulama diadakan bertujuan menyemarakkan kembali tradisi ilmu berdasarkan kitab-kitab turath seperti kitab Minhaj Al-Talibin karya Imam Al-Nawawi. Penerbitan semula kitab-kitab lama sebagai rujukan kelas-kelas pengajian di masjid wajar diusahakan misalnya Kitab Matla' al-Badrain yang pernah dirumikkan dan diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi). Buku tersebut disusun semula dengan bahasa yang moden dan mudah supaya lebih senang difahami. Semua inisiatif yang dilakukan bagi melahirkan generasi cekir ilmu sekali gus menjayakan agenda islah yang didambakan.

Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2024, agensi-agensi agama di bawah pentadbiran YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) buat jultimo kali mengambil inisiatif untuk bergabung di bawah satu bumbung yang dinamakan Pavilion Al-Falah bertemakan Bersama Mencapai Kejayaan. Ruang tersebut bukan sahaja menyediakan jualan buku-buku bertemakan hal ehwal Islam yang bermutu tinggi tetapi juga menawarkan kaunter pameran dan aktiviti interaktif bagi menyampaikan fungsi dan peranan setiap agensi agama dengan lebih dekat kepada para pengunjung. Pendekatan terbaru ini mencerminkan kesungguhan dan komitmen institusi Islam untuk menawarkan bahan bacaan dan penerbitan berkualiti yang dapat membantu memberikan pencerahan kepada pemikiran ummah.

Penulis Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)

"Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat sebagai syafaat kepada para pembacanya"